

PATI bolos kerana ada penguat kuasa 'harapkan pagar, pagar makan padi'

Ada 'pelincir' semua jadi

KOSMO 01/07/08 M/S 2

Ekklusif!

Oleh WARTAWAN Kosmo!
berita@kosmo.com.my

KLANG - "Ada berapa ramai penumpang dalam bot? Kalau tak lebih (jumlah orang) kami tak periksa."


Itu antara perbualan yang sayup kedengaran di luar bot pancung yang dinaiki wartawan Kosmo! yang menyamar sebagai pendatang tanpa izin (PATI).

Ia dipercayai antara pihak berkuasa yang memantau perairan negara dengan ejen sindiket menyeludup PATI ke Malaysia semasa bot itu ditahan ketika dalam perjalanan menuju Pelabuhan Klang dari Tanjung Balai Asahan, Indonesia.

Apa yang mengejutkan, bot yang sarat dengan penumpang itu langsung tidak diperiksa sebaliknya dibenarkan beredar setelah berpuas hati dengan jawapan daripada ejen sindiket berkenaan.

Itulah senario yang berlaku di perairan negara apabila wujudnya 'harapkan pagar, pagar makan padi' hing-gakan aktiviti penyeludupan manusia yang kini semakin menjadi-jadi.

Malah per-



ANTARA PATI yang tertidur kerana keletihan ketika dibawa dengan bot ke Malaysia.

bawa masuk dan keluar PATI di negara ini.

"Apa yang diperlukan ia-

bermula dengan penghantaran ikan namun hasil pergaulan dengan ramai orang, dia mendapat 'lubang' untuk menambah pendapatan dengan menyeludup manusia.

mesti kenal ramai orang terutama orang yang ada kuasa.

"Bayaran bergantung kepada keadaan semasa lebih-lebih lagi sekarang harga minyak pun sudah naik.

Info

Kawasan utama menaik dan menurunkan penumpang

Malaysia

- Pelabuhan Klang
- Port Dickson
- Melaka
- Johor Bahru

Indonesia

- Tanjung Balai Asahan
- Tanjung Balai Karimun
- Dumai
- Batam
- Tanjung Pinang

Penumpang

- Datang dari Jawa, Medan dan Aceh.

Masa bertolak

- Biasanya bertolak dari Indonesia ke Pelabuhan Klang di antara pukul 1 hingga 3 pagi atau sebelum subuh.

- Waktu berlepas ke destinasi Indonesia mesti waktu malam bagi mengelak daripada disedari.



kara tersebut diakui sendiri oleh ejen sindiket yang memberitahu, kegiatan menyeludup manusia bukannya baru tetapi sudah berlaku sejak bertahun-tahun lalu.

Hanya dengan menggunakan bot-bot pancung yang didaftarkan untuk membawa ikan dan sayur-sayuran, membolehkan mereka mem-

Senang polos

Pelayaran berbahaya bukan lagi halangan



KERATAN muka depan *Kosmo!* semalam.

malam,” kata ejen sindiket yang dipanggil Yusri.

Jelasnya, dia telah melakukan kegiatan itu hampir 15 tahun lalu

lah wang ‘pelincir’ dan kalau kena cara urusannya, lumayan sekali dong.

“Kita ada orang yang mengatur dari darat tetapi perjalanan mesti bermula pada waktu

“Gue (saya) enggak berani pada mulanya tetapi bila tahu ‘lubang’ ini selamat untuk dilalui baru boleh bergerak.

“Selagi ‘lubang’ tidak dibuka, selagi itulah semua penumpang kena tinggal di rumah transit yang kita sediakan,” katanya yang menyangka wartawan *Kosmo!* berasal dari Jawa Tengah.

Katanya lagi, ‘lubang’ tersebut perlu dibayar untuk membuka luannya dan penjaganya juga perlu diketahui dari awal atau terpaksa berhadapan risiko ditahan.

Tambahnya, untuk melakukan kerja tersebut, apa yang penting

“Tapi orang mahu datang atau pulang enggak ada yang menolak kerana apa yang mereka mahu ialah tidak ditahan pihak berkuasa,” katanya.

Ceritanya lagi, selain bot pancung atau bot nelayan, ada juga yang menyeludup melalui bot kargo, tongkang, kapal dagang, feri dan bot laju.

“Masing-masing ada ‘lubang’ dan cara tersendiri untuk membantu rakyat negara kita untuk pulang.

“Pokoknya ongkos, gue pun mahu, penjaga pun mahu,” ujarnya sambil tersenyum.